

TARIKH : 26 OGOS 2025
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA : 3
SURAT

Sidang Dewan Negara - Kerajaan MADANI kurangkan ambil hutang baharu setiap tahun

Selasa, 26 Ogos 2025

Nasional 3

Sidang Dewan Negara

Kerajaan MADANI kurangkan ambil hutang baharu setiap tahun

Pentadbiran Anwar tanggung beban faedah lama diwarisi, bukan disebabkan pinjaman baharu

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, pentadbirannya mengurangkan pengambilan hutang baharu setiap tahun.

Perdana Menteri berkata, beliau beberapa kali menjelaskan jumlah hutang tahunan kerajaan dikurangkan daripada RM100 bilion kepada RM90 bilion turun kepada RM80 bilion dan RM70 bilion.

Namun, katanya, apa yang dijadikan isu pada masa ini ialah jumlah keseluruhan hutang kerana beban faedah hutang lama yang diwarisi dan bukannya disebabkan pinjaman baharu.

"Saya sudah baca banyak kali iaitu hutang (baharu tahunan) daripada RM100 bilion, turun kepada RM90 bilion, turun RM80 bilion, turun RM70 bilion. Itu yang kita lakukan.

"Tetapi (jumlah) hutang keseluruhan dengan bunga (faedah), baharu ulah. Itu berkaitan dengan pinjaman lama kerajaan, selang (uang) hutang baharu. Tidak

keperluan, bukan kaum. Kalau nak minta kemudahan untuk masyarakat India, silakan. Orang Melayu majoriti di negara ini dan yang miskin majoritinya juga Melayu. Jadi sebab itu kita harus berikan tumpuan," katanya.

Beliau berkata, contohnya, peruntukan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan bantuan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) yang disalurkan secara inklusif, hampir 57 peratus penerima adalah kaum Melayu, manakala Bumiputera Sabah 7.57 peratus dan Bumiputera Sarawak pula 6.23 peratus.

Pada masa sama, beliau berkata, masyarakat India pula menerima bantuan melalui pelbagai saluran, termasuk STR dan SARA sebanyak RM972 juta dan jaminan perumahan RM2.5 bilion.

"Melalui Skim Jaminan Pembiayaan Perniagaan, usahawan Bumiputera menerima jaminan sebanyak RM4 bilion. Di bawah Skim Jaminan Kredit Perumahan pula, RM17.2 bilion disalurkan khusus kepada Bumiputera," katanya.

Beliau berkata, kaum Cina adalah penerima kedua terbesar bantuan tunai Kerajaan MADANI, merangkumi 18.96 peratus penerima.

Katanya, bagi sokongan pembiayaan perniagaan, usahawan Cina turut mendapat manfaat jaminan bernilai RM13.9 bilion sementara melalui Skim Jaminan Kredit Perumahan, kaum Cina turut menerima manfaat bernilai RM1.68 bilion bagi pembelian rumah.

Anwar menunjukkan buku RMK13 selepas membentangkannya di Dewan Negara semalam. Turut sama, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan (kiri) dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

betul," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan Rancangan Malaysia ke-13 (RMK13), di Dewan Negara semalam.

Komitmen kurangkan defisit

Perdana Menteri berkata, selain mengurangkan hutang baharu, Kerajaan MADANI turut komited mengurangkan defisit fiskal.

"Kerajaan MADANI yang pertama cuba menurunkan defisit fiskal dan hutang baharu walaupun ia menjadi polemik politik. Mengapa kita harus turunkan? Kalau tidak turunkan, hutang membengkak.

"Jadi, kita sudah kurangkan daripada 5.6 peratus, lima peratus, 4.8 peratus dan sekarang kita unjurkan 3.8 peratus tahun depan dan berikutnya terus turun," katanya.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, selagi defisit ada, jumlah keseluruhan hutang akan bertambah," katanya.

Perdana Menteri berkata, sasaran kerajaan lima tahun akan datang ialah menurunkan defisit fiskal kepada tiga peratus.

Dalam pada itu, Anwar berkata jumlah peruntukan yang diteri-

ma sesuatu kumpulan masyarakat tidak harus dijadikan polemik kerana setiap pembangunan dilaksanakan secara adil dan saksama menerusi pelaksanaan RMK13.

Beliau berkata, Kerajaan MADANI sentiasa komited memastikan setiap kaum termasuk Melayu, Cina, India, Bumiputera Sabah dan Sarawak, Orang Asli, wanita, Orang Kurang Upaya (OKU) dan belia menerima manfaat mengikut keperluan.

"Maka, jangan pertikal apabila sesuatu kaum menerima manfaat lebih tinggi. Itu berdasarkan



(Foto BERNAMA)